

# **Wawancara Bersama Anggota Lembaga Koperasi Adik Kakak Kampung Pulau Rusa Kuala Terengganu Berhad (KODIKA)**

**Oleh:** Rosidah Rashid & Nor Aslamiah Ali  
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, MKM

## **Pengenalan**

Pada asalnya Koperasi Adik Kakak Kampung Pulau Rusa Kuala Terengganu Berhad (KODIKA) merupakan pertubuhan Tabung Simpanan dan Pinjaman (TSP) Kampung Pulau Rusa. Sehinggalah pada 16 Januari 1994, ia didaftarkan sebagai sebuah koperasi. Aktiviti utama koperasi ini ialah jimat cermat dan melaksanakan pinjaman wang. Kecekapan dan kesungguhan pihak pentadbiran dan pengurusan KODIKA menjadikan ia sebagai sebuah koperasi contoh yang mana koperasi ini tidak mempunyai hutang lapuk (NPL). Maka wajarlah KODIKA dianugerahkan Sijil Penarafan Koperasi (FLAME-T) 5 Bintang bagi tahun 2010 hingga 2012 oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Sehubungan dengan kejayaan koperasi tersebut, penulis mengambil peluang untuk mewawancara Anggota Lembaga Koperasi (ALK) KODIKA bagi mengetahui resipi kejayaan mereka. Seramai lima ALK sudi meluangkan masa untuk wawancara ini iaitu Haji A.Aziz Che Talib (Pengerusi), Haji Radzali Mohd (Bendahari), Haji Ali Ismail (Penolong Setiausaha), Haji Othman Abdullah (Pengerusi, Jawatankuasa Kecil Tabung Kebajikan Am) dan Encik Ahmad Rusdi Harun (Pengurus Koperasi). Wawancara ini telah diadakan di pejabat KODIKA Lot 1900, Tingkat Atas, Rumah Kedai KP Perdana, Mukim Kubang Parit, Kuala Terengganu pada bulan November yang lalu.



Barisan Anggota Lembaga Pengarah KODIKA



Tuan Haji A.Aziz bin Che Talib  
(Pengerusi)

## **Dimensi Koop**

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Haji dan semua kerana sudi meluangkan masa bersama kami dalam sesi wawancara pada petang ini. Sebagai peneraju utama KODIKA selama 17 tahun, boleh tuan kongsi rahsia dan faktor-faktor yang membawa kepada kejayaan KODIKA.

## **Pengerusi**

Sebagai wakil KODIKA, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Puan kerana sudi menemu ramah kami. Mungkin sedikit sebanyak pertemuan kita petang ini dapat membantu para koperasi yang lain. Sebenarnya, bukanlah rahsia kerana kita semua tahu akan faktor tersebut. Bagi pandangan saya faktor kejayaan KODIKA ini boleh dikatakan daripada ALK KODIKA sendiri yang berkhidmat secara teratur dan kemas serta

tidak mempunyai kepentingan peribadi. Mereka bekerja secara sukarela, toleransi, terbuka dan semua keputusan dibuat secara *collective* yakni bersepakat. Selain itu, sokongan daripada anggota dan pemungut amatlah mustahak. Integriti juga penting dalam urus tadbir koperasi dimana masing-masing mempunyai tanggungjawab serta kerjasama yang erat antara satu sama lain. Kekuatan komitmen pemungut

juga merupakan faktor kejayaan KODIKA. Apa yang paling penting juga, tidak ada sebarang penglibatan politik di dalam KODIKA.

### **Dimensi Koop**

Rasanya tidak terlewat kami mengucapkan tahniah kepada KODIKA kerana telah menerima Sijil Penarafan Koperasi (FLAME-T) 5 Bintang. Soalan kami seterusnya ialah boleh tuan terangkan matlamat penubuhan KODIKA ini.

### **Penolong Setiausaha**

Sebelum saya menjawab soalan tersebut, elok kiranya saya terangkan secara ringkas mengenai Kampung Pulau Rusa ini terlebih dahulu. Kebanyakan penduduk kampung ini adalah peniaga, maka KODIKA ditubuhkan bagi membantu menyediakan modal perniagaan kepada mereka. Melalui cara ini, ia dapat mengelakkan mereka membuat pinjaman daripada Ah Long dan pajak gadai yang sudah tentunya mengamalkan

sistem riba yang menindas. Tetapi, KODIKA hanya mengenakan bayaran perkhidmatan sebanyak 5 peratus sahaja, malah bayaran balik pinjaman boleh dibuat selama 40 bulan. Itulah matlamat penubuhan KODIKA iaitu untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi. Selain itu, tujuan utama koperasi dibangunkan adalah untuk menjalankan aktiviti kredit.

### **Dimensi Koop**

Memandangkan nama koperasi ini Koperasi Adik Kakak Kampung Pulau Rusa, adakah keanggotaannya terhad kepada penduduk Kampung Pulau Rusa sahaja?

### **Penolong Setiausaha**

Ya, betul. Syarat untuk menjadi anggota koperasi ini mestilah bermastautin atau bekerja atau mempunyai tanah dalam kawasan operasi koperasi ini. Selain itu, anggota adalah warganegara Malaysia dan berumur

lapan belas tahun ke atas. Anggota juga mesti tidak menjadi anggota koperasi kredit lain dan apa paling penting pemohon mestilah disahkan oleh Pemungut.

### **Dimensi Koop**

Dari awal tadi saya mendengar perkataan Pemungut. Sebenarnya siapa yang dimaksudkan dengan Pemungut oleh tuan semua dan apa fungsi Pemungut ini dalam KODIKA?

### **Bendahari**

Uniknya tentang KODIKA ini ialah sistem pemungut yang diamalkan sejak penubuhannya lagi. Pemungut ini ialah anggota yang dilantik oleh koperasi dan diberi kuasa untuk mengutip wang koperasi setiap bulan. Buat masa ini, koperasi mempunyai seramai 30 orang Pemungut yang mana ada juga dilantik dalam kalangan ALK sendiri. Pemungut dipilih oleh ALK mengikut kriteria yang telah ditentukan seperti mempunyai sifat-sifat terpuji, jujur, ikhlas, amanah dan disegani. Mereka iniberkhidmatsebagai pemungut

secara sukarela dan hanya diberi imbuhan sebanyak RM1.00 mengikut bilangan anggota dalam kumpulan masing-masing. Tugas Pemungut ini adalah bertanggungjawab mengutip wang yuran dan bayaran balik pinjaman anggota-anggotanya dan apa juar tuntutan daripada kumpulannya. Begitulah peranan Pemungut dalam KODIKA. Ia sangat penting kerana tanpa Pemungut kita tidak akan dapat mengutip semula bayaran pinjaman dan caruman bulanan anggota.

### **Dimensi Koop**

Sungguh menarik sistem yang dilaksanakan oleh KODIKA ini. Boleh tuan terangkan apakah jenis caruman yang perlu dijelaskan oleh anggota sehingga akan memerlukan perkhidmatan Pemungut?

### **Bendahari**

Sebenarnya Pemungut ditugaskan mengutip modal yuran sebanyak RM 20.00 sebulan (minima) dan Tabung Kebajikan Am sebanyak RM1.00 sebulan

daripada setiap anggota. Selain itu, mereka juga mengutip bayaran balik pinjaman yang telah dibuat oleh anggota KODIKA.

### **Dimensi Koop**

Nampaknya memang peranan Pemungut di KODIKA ini amat penting. Agaknya bagaimana proses pungutan ini dapat dijalankan?

### **Bendahari**

Di sinilah pentingnya peranan Pemungut iaitu di mana setiap awal bulan Pengurus KODIKA akan menyediakan senarai tuntutan bulanan yang kemudiandiaghikan kepada Pemungut mengikut kumpulan anggota yang telah ditetapkan. Dalam senarai tuntutan itu dicatatkan amaun yang dituntut oleh koperasi daripada setiap

anggota di bawahnya. Senarai pungutan ini, diberi kepada Pemungut pada akhir bulan dan hasil kutipan sepenuhnya mestilah diserahkan kepada Pengurus koperasi sebelum 15 hari bulan berikutnya. Pengurus koperasi pula akan memasukkan hasil kutipan tersebut ke bank.

### **Dimensi Koop**

Tadi tuan ada menyebut tentang kumpulan anggota, boleh kami tahu bagaimana koperasi membahagikan kumpulan anggota kepada Pemungut?

### **Bendahari**

Biasanya kumpulan anggota koperasi ini adalah mereka yang ada hubungan kekeluargaan atau kejiranan yang hampir

dengan pemungut. Tetapi dengan syarat pemungut mesti bersetuju anggota tersebut berada di dalam kumpulannya.

### **Dimensi Koop**

Begitu rupanya. Kaedah melantik pemungut ini nampaknya amat berkesan di KODIKA, boleh kami dapatkan sedikit maklumat tentang prestasi kewangan di KODIKA ini.

### **Bendahari**

Untuk makluman puan, dengan adanya pemungut ini, KODIKA tidak mempunyai sebarang hutang lapuk. Jumlah pinjaman wang tunai telah meningkat daripada RM4.60 juta pada tahun 2009 ke RM4.65 juta pada


tahun 2010. Manakala jumlah pinjaman perkhidmatan pengguna juga meningkat sebanyak 64 peratus dan modal syer anggota turut meningkat sebanyak 80 peratus.

### **Dimensi Koop**

Dengan penjelasan tuan itu maka wajarlah KODIKA di anggap antara yang terbaik di negeri Terengganu. Boleh tuan kongsi serba sedikit mengenai tadbir urus koperasi ini.

### **Penolong Setiausaha**

Koperasi ini mempunyai 12 orang ALK yang kebanyakannya adalah pesara. Pengurus KODIKA adalah Tn. Hj Abdul Aziz bin Che Talib tetapi masih lagi memegang jawatan sebagai Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). Koperasi ini terbahagi kepada dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Kecil Pelaburan dan Jawatankuasa Kecil Tabung Kebajikan Am. Bagi menjalankan operasi, KODIKA mempunyai



seorang Pegawai Koperasi dan para Pemungut. Semua keputusan akan dibuat oleh ALK dalam Mesyuarat Lembaga dan Mesyuarat Khas. Mesyuarat Khas ini adalah mesyuarat

bersama Pemungut bagi mengetahui masalah yang dihadapi oleh Pemungut dan juga untuk mendapat maklumat terkini daripada Pemungut.

### **Dimensi Koop**

Selain aktiviti kredit ini, apakah aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan oleh koperasi?

### **Penolong Setiausaha**

Selain daripada aktiviti kredit, KODIKA terlibat dengan aktiviti pembangunan harta tanah antaranya seperti membina dan menjual

beberapa unit rumah banglo setingkat, membeli tanah serta menjual semula kepada anggota dengan harga yang mampu milik.

### **Dimensi Koop**

Selain anugerah Sijil Penarafan Koperasi 5 Bintang, apakah anugerah-anugerah yang telah diraih oleh KODIKA?

### **Penolong Setiausaha**

KODIKA pernah menerima dua anugerah peringkat negeri Terengganu iaitu Koperasi Kredit Terbaik 2001 dan Anugerah

Cemerlang Pegawai Koperasi Terbaik 2006. Pada Hari Koperasi Negara 2010, KODIKA telah menerima Anugerah Inovasi dan Kreativiti.

### **Dimensi Koop**

Tahniah diucapkan kepada Encik Rusdi kerana pernah dianugerahkan Anugerah Cemerlang Pegawai Koperasi Terbaik. Agaknya sebagai Pengurus, boleh tuan kongsikan pengalaman pahit manis tuan selama bekerja di KODIKA. Sebelum itu, boleh tuan ceritakan latar belakang pendidikan dan pengalaman tuan sebelum bekerja di koperasi ini.

### **Pengurus**

Terima kasih. Saya mendapat pendidikan di Institut Teknologi Mara (ITM) pada tahun 1992 dalam bidang Pengajian Perniagaan. Sebelum bekerja di KODIKA, saya pernah bertugas sebagai Pengurus Akaun di sebuah hypermarket di Terengganu. Kini, saya telah bertugas di KODIKA selama 17 tahun bermula dari tahun 1995 sehingga sekarang. Banyak

pengalaman manis yang telah saya kecapi antaranya seperti yang puan ketahui, saya telah dianugerahkan sebagai Anugerah Cemerlang Pegawai Koperasi terbaik pada tahun 2006 dan juga kejayaan KODIKA yang mencapai pencapaian Sijil Penarafan Koperasi 5 Bintang oleh SKM. Ini juga merupakan pencapaian yang tertinggi dikecapai oleh KODIKA.

### **Dimensi Koop**

Dengan Anugerah Sijil Penarafan Koperasi 5 Bintang ini, ia telah membuktikan bahawa KODIKA merupakan koperasi kredit yang berjaya. Apakah kunci utama yang menjadi teras pegangan kerjaya tuan sehingga koperasi berada pada tahap ini?

### **Pengurus**

Bagi saya, kita hendaklah komited dan bertanggungjawab memikul tugas yang telah diamanahkan di samping berpegang teguh kepada agama. Saya rasa tanggungjawab ini bukan saja pada KODIKA bahkan juga tanggungjawab saya kepada

penduduk kampung Pulau Rusa. Rasa kepunyaan kepada koperasi ini sangat menebal dalam diri saya kerana saya juga merupakan penduduk Kampung Pulau Rusa. Saya berpegang kepada prinsip "kalau kita tak buat, siapa lagi nak buat".

### **Dimensi Koop**

Sebagai orang yang lama berkhidmat di sini dan memahami selok-belok pentadbiran KODIKA, apakah pandangan tuan tentang KODIKA?

#### **Pengurus**

Pada pandangan saya, penubuhan KODIKA ini membawapengertianyangtersiratdimanaiaadapat menyataupadukan dan merapatkan silaturahim antara anak beranak dan penduduk kampung di Pulau Rusa ini. Dengan adanya KODIKA, sekurang-kurangnya mereka dapat berkumpul sebulan sekali berjumpa dengan pemungut yang

juga merupakan ahli keluarga mereka. Secara tidak langsung, situasi ini dapat mengeratkan ukhuwah kekeluargaan sesama mereka. Saya berasa senang bekerja di koperasi ini kerana hubungan saya dengan ALK sangat rapat dan mudah untuk berurusan kerana tidak terlalu dibatasi dengan protokol.

### **Dimensi Koop**

Setelah hampir berkhidmat selama 17 tahun, mungkin tuan pernah menghadapi beberapa cabaran dalam menguruskan KODIKA?

#### **Pengurus**

Oleh kerana saya seorang sahaja di koperasi ini, semua kerja saya kena lakukan sendiri seperti menyediakan akaun, mengurus pejabat, perhubungan dengan SKM dan orang luar. Satu lagi cabaran bagi

saya ialah membawa wang tunai yang diserahkan oleh Pemungut untuk dimasukkan ke bank. Ini adalah kerana ia merupakan sesuatu keadaan yang berbahaya walaupun dilindungi oleh insurans.

### **Dimensi Koop**

Memandangkan tuan bekerja secara *one man show* tanpa pembantu, bagaimana tuan menangani beban kerja pentadbiran di KODIKA?

#### **Pengurus**

Bagi saya pengurusan masa dan pembahagian kerjasangatlahpentinguntukmemudahkanurusan pentadbiran. Kemudahan komputer juga banyak memainkan peranan penting dalam urusan kerja sehariannya. Walaupun hanya sebuah komputer sahaja yang dibekalkan, tetapi ia telah dilengkapi

dengan Sistem Pengurusan Maklumat Rekod Yuran dan Pinjaman Anggota. Sistem ini banyak membantu saya dalam kerja-kerja merekodkan dan mengeluarkan laporan. Saya bersyukur kerana sistem ini banyak menjadikan kerja saya lebih mudah dan sistematik.

### **Dimensi Koop**

Akhir sekali, apakah rancangan dan harapan tuan pada KODIKA pada masa hadapan?

#### **Pengerusi**

Kami merancang pejabat KODIKA akan berpindah ke bangunan sendiri yang terletak di Kampung Pulau Rusa sedikit masa lagi. Sekarang ini kami menuju ke arah meningkatkan penjualan tanah serta menyemak semula jumlah pinjaman anggota supaya dapat menampung pembelian yang semakin meningkat.

SayaberharapsemogaKODIKAakanterusmajuke depan, sentiasa mendapat

sokongan daripada anggota serta boleh memperluaskan aktiviti supaya mendapat memberi pulangan kepada anggota. Satu lagi harapan saya, semoga setiap anggota mampu memiliki tanah daripada koperasi. Apa yang lebih penting konsep asal koperasi semestinya difahami dengan sewajarnya dan terus dikenalkan sampai bila-bila.

Tempoh Tahun	Bilangan Pinjaman	Jumlah (RM)
Jun 1995 - Jun 1996	10	31 408.30
Julai 1996 - Jun 1997	9	92 689.50
Julai 1997 - Jun 1978	6	75 530.00
Julai 1998 - Jun 1999	5	20 491.00
Julai 1999 - Jun 2000	11	100 910.90
Julai 2000 - Jun 2001	16	152 812.00
Julai 2001 - Jun 2002	15	175 777.54
Julai 2002 - Jun 2003	11	168 700.00
Julai 2003 - Jun 2004	5	73 700.00
Julai 2004 - Jun 2005	30	520 796.00
Julai 2005 - Jun 2006	11	202 750.00
Julai 2006 - Jun 2007	12	268 00.00
Julai 2007 - Jun 2008	6	65 400.00
Julai 2008- Jun 2009	21	402 000.00
Julai 2009 - Jun 2010	24	526 200.00
Julai 2010- Jun 2011	16	308 900.00
<b>JUMLAH</b>	<b>208 Pinjaman</b>	<b>3 186 065.24</b>
Baki pada 30 Jun 2011 (Akaun Pengurusan)		664 008.00

Skim Pinjaman Perkhidmatan Pengguna

Tempoh Tahun	Bilangan Pinjaman	Jumlah (RM)
Feb 1994 - Dis 1994	186	844 600.00
Jan 1995 - Jun 1996	261	1 201 088.00
Julai 1996 - Jun 1997	186	1 102 100.00
Julai 1997 - Jun 1978	184	1 272 610.00
Julai 1998 - Jun 1999	203	1 399 740.00
Julai 1999 - Jun 2000	188	1 437 500.00
Julai 2000 - Jun 2001	202	1 722 100.00
Julai 2001 - Jun 2002	181	1 488 000.00
Julai 2002 - Jun 2003	200	1 655 700.00
Julai 2003 - Jun 2004	205	1 908 800.00
Julai 2004 - Jun 2005	193	1 985 500.00
Julai 2005 - Jun 2006	203	2 133 200.00
Julai 2006 - Jun 2007	193	2 119 400.00
Julai 2007 - Jun 2008	227	2 854 500.00
Julai 2008- Jun 2009	217	2 681 100.00
Julai 2009 - Jun 2010	208	2 674 100.00
Julai 2011- Jun 2011	239	3 236 100.00
<b>JUMLAH</b>	<b>3 476 Pinjaman</b>	<b>31 726 638.00</b>
Baki pada 30 Jun 2011 (Akaun Pengurusan)		5 094 710.00

Pinjaman Wang Tunai

Tahun Berakhir	Jumlah (RM)
31 Dis 1994	258 900.00
30 Jun 1996	283 600.00
30 Jun 1997	316 300.00
30 Jun 1999	329 100.00
30 Jun 2000	338 100.00
30 Jun 2001	369 592.00
30 Jun 2002	391 631.20
30 Jun 2003	438 626.88
30 Jun 2004	509 677.00
30 Jun 2005	563 235.57
30 Jun 2006	696 910.54
30 Jun 2007	843 276.56
30 Jun 2008	1 085 318.23
30 Jun 2009	1 205 774.96
30 Jun 2010	1 397 770.14
30 Jun 2011	1 650 050.48
(A/Pengurusan)	1 927 773.19

Modal Syer Anggota

Tahun Kewangan Berakhir	Pendapatan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Untung Bersih (RM)
31 Dis 1994	49 784.14	18 211.13	31 573.01
30 Jun 1996	78 550.96	46 798.33	31 752.63
30 Jun 1997	96 682.34	42 610.81	54 070.53
30 Jun 1998	95 117.68	49 143.27	45 974.41
30 Jun 1999	81 650.71	57 620.07	24 030.68
30 Jun 2000	94 312.71	64 493.96	29 818.75
30 Jun 2001	114 349.39	60 885.91	53 463.48
30 Jun 2002	97 202.32	72 342.95	24 859.37
30 Jun 2003	187 608.88	168 608.89	18 999.99
30 Jun 2004	198 000.48	86 490.44	111 510.04
30 Jun 2005	190 910.38	85 089.89	105 820.49
30 Jun 2006	185 167.15	93 927.43	91 239.72
30 Jun 2007	222 945.32	102 036.48	120 908.84
30 Jun 2008	220 815.80	104 668.82	116 147.72
30 Jun 2009	216 823.30	115 496.34	101 326.96
30 Jun 2010	432 004.45	131 683.91	300 320.54
30 Jun 2011	397 874.44	145 482.15	252 392.29

Pencapaian Untung Rugi

## Aset KODIKA



Bangunan Rumah Kedai KP Perdana, Kubang Parit, Kuala Terengganu.



Bangunan Kedai Pejabat Permint Jaya, Chendering, Kuala Terengganu